



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**PRODUK TRADISIONAL TYT JIANG TANG LING PLUS DIKESAN
MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL GLIBENCLAMIDE**

1. Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menggesa orang awam untuk mengelak daripada membeli dan menggunakan produk tradisional berikut yang telah dikesan mengandungi racun berjadual glibenclamide:

Nama Produk	No. Pendaftaran	Bahan Campur Palsu Yang Dikesan
TYT Jiang Tang Ling Plus	MAL10110065TC	Glibenclamide

2. Pendaftaran produk ini telah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada mesyuaratnya yang ke-338 pada 5 September 2019 berikutan pengesanan racun berjadual glibenclamide di dalam produk berkenaan yang tidak dibenarkan dalam formulasi produk tradisional.

PERIHAL BAHAN RACUN BERJADUAL

3. Glibenclamide merupakan racun berjadual dan pembekalan ubat-ubatan yang mengandungi racun berjadual adalah tertakluk kepada Akta Racun 1952, di mana ianya hanya boleh dibekalkan oleh pengamal perubatan berdaftar atau ahli farmasi berlesen. Penggunaan Glibenclamide tanpa pengawasan profesional kesihatan boleh menyebabkan paras gula yang terlalu rendah di dalam darah dan seterusnya mengakibatkan sawan atau tidak sedarkan diri kepada pesakit.

PERINGATAN

4. Penjual dan pengedar produk ini perlu menghentikan penjualan dan pengedarannya dengan serta-merta. Penjualan dan pengedaran produk ini adalah melanggar Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

5. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan-kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda

sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

6. Orang awam yang sedang menggunakan produk ini dinasihatkan untuk segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat dari profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan advers.

7. Orang awam boleh menyemak status pendaftaran sesuatu produk melalui laman sesawang www.npra.gov.my atau memuat turun aplikasi '*NPRA Product Status*' daripada *Google Play Store*.

DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
6 SEPTEMBER 2019



PRESS STATEMENT

TRADITIONAL PRODUCT TYT JIANG TANG LING PLUS CONTAINS GLIBENCLAMIDE, A SCHEDULED POISON

1. The National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA), Ministry of Health Malaysia (MOH) would like to urge the public to avoid buying and using this traditional product which has been detected to contain glibenclamide, a scheduled poison:

Product Name	Registration No.	Adulterant Detected
TYT Jiang Tang Ling Plus	MAL10110065TC	Glibenclamide

2. Following this, registration of this product has been cancelled by the Drug Control Authority (DCA) at its 338th meeting on 5 September 2019. Any scheduled poison is not allowed to be formulated in a product which is classified as a traditional product.

ABOUT SCHEDULED POISON

3. Glibenclamide is a scheduled poison and the supply of medicines with scheduled poisons is subjected to the Poisons Act 1952, whereby it can only be supplied by a registered medical practitioner or a licensed pharmacist. The use of glibenclamide without healthcare professional supervision can cause excessively low blood glucose which may eventually lead to seizure or loss of consciousness.

WARNING

4. All sellers and distributors are warned to stop the sales and distribution of this product. Possession for sale and distribution of this product violates the Sale of Drugs Act 1952 and Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984.

5. An individual found convicted under these laws will face penalty not exceeding RM25,000 and or imprisonment for a period not exceeding three (3) years for the first offence and penalty not exceeding RM50,000 and or imprisonment for a period not exceeding five (5) years for a subsequent offence. A company found guilty can be fined up to RM50,000 for the first offence and a fine of up to RM100,000 for a subsequent offence.

6. Members of the public who experience discomfort or adverse effects after taking these products are advised to immediately stop using it and seek further advice from healthcare professionals.

7. Members of the public can check the registration status of a product by visiting NPRA's webpage <https://npra.moh.gov.my> or download the "NPRA Product Status" application from Google Play Store.

Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Director General of Health Malaysia
6 September 2019

LAMPIRAN / APPENDIX

